

Minggu Saham Amanah

PM akan rasmi

UM 22 MAR 2001

KETIBAAN tanggal 20 April setiap tahun sentiasa dinanti nantikan oleh masyarakat pelabur saham amanah Bermula dari tarikh ini hingga 24 April negara akan merayakan Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) Permodalan Nasional Berhad (PNB) bersama Persekutuan Pengurus Pengurusan Amanah Saham Malaysia (FMUTM) akan mengadakan pelbagai aktiviti sempena sambutan minggu tersebut Tahun ini merupakan kali kedua MSAM diadakan Kali pertama ia diadakan pada tahun 2000 di Kuala Lumpur dan kali ini ia akan diadakan di Padang Perdana Majlis Perbandaran Kota Bharu Kelantan Darul Naim Untuk mengetahui lebih lanjut tentang MSAM 2001 ini ikutilah temubual bersama Ketua Eksekutif Kumpulan PNB Datuk Hamad Kama Piah Che Othman

Utusan Malaysia (UM) Sambutan Minggu Saham Amanah 2001 (MSAM 2001) bakal diadakan tidak lama lagi Umumnya masyarakat khasnya golongan pelabur memang mengetahui tentang MSAM Memandangkan ini kali kedua ia dianjurkan sebagai satu daripada agenda tahunan negara apakah perbezaan sambutan kali ini berbanding tahun lalu?

Malaysia 2001

di Kelantan

UM 22 MAR 2001

DATUK HAMAD KAMA PIAH CHE OTHMAN

(Hamad) Dalam usaha kami di PNB menarik penyer-taan ramai bagi sambutan MSAM 2001 ini ada beberapa pembaharuan dilakukan dalam penganjuran kali kedua ini. Antaranya ialah lokasi penganjuran MSAM yang diadakan di luar Kuala Lumpur. Negeri pertama yang terpilih untuk sambutan MSAM 2001 ialah Kelantan Darul Naim. Untuk pengetahuan pengunjung MSAM 2001 akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 20 April ini dan upacara penutup oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada 24 April.

UM Bagaimana pula dengan lokasi aktiviti aktiviti yang disediakan?

Hamad Selain di Kelantan ada beberapa acara atau aktiviti turut diadakan di beberapa tempat lain seperti acara Kenali PNB diadakan di Pulau Pinang pada 25 Mac dan acara perasmian dilakukan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang. Sebagaimana tahun lalu kita tidak ketinggalan menganjurkan persidangan antara bangsa. Ia akan diadakan di Kuala Lumpur dan diras-mikan oleh Pengerusi PNB sendiri Tan Sri Dato Seri (Dr) Ahmad Sarji Abd Hamid pada 23 April ini.

UM Dalam usaha memperhebatkan dan menceri-akan lagi sambutan MSAM kali ini adakah pihak pihak lain turut menyumbang tenaga bagi men-jayakannya?

Hamad Bagi penganjuran kali ini saya mengambil pendekatan baru di mana pembabitkan secara terus oleh pihak-pihak yang berkaitan dilakukan berdasarkan kon-sep perkongsian bijak.

Usaha ini dilakukan berikutan aktiviti MSAM 2001 adalah agenda tahunan negara dan ianya adalah untuk kebaikan dan manfaat seluruh rakyat Malaysia. Berdasarkan kepada konsep tersebut beberapa organ-isasi diundang bersama sama menyumbang ke arah men-jayakan MSAM kali ini.

Antaranya penglibatan media massa sebagai media rasmi MSAM seperti Radio Televisyen Malaysia (RTM) *Utusan Malaysia*, *Sin Chew*, *Jit Poh*, *Tamil Nesan* dan lain-lain lagi.

Selain itu syarikat-syarikat pelaburan PNB seperti tahun lalu turut memberikan sumbangan mereka dengan menyertai pameran yang diadakan dan juga menaja hadiah-hadiah yang dipertandingkan dalam pelbagai aktiviti-aktiviti yang diadakan. Malahan PNB turut menerima sokongan dan kerjasama dari jabatan-jabatan kerajaan, sekolah-sekolah dan organisasi bukan kerajaan.

UM Menyentuh tentang lokasi penganjuran MSAM kali ini bolehkah Datuk terangkan mengapa

Kelantan menjadi pilihan?

Hamad Faktor utama mengapa Kelantan Darul Naim menjadi pilihan ialah ialah peningkatan minat pelaburan oleh rakyat negeri Kelantan sendiri.

Selain itu ramai yang tidak mengetahui bahawa per-tumbuhan pelaburan Amanah Saham Bumiputera pada tahun 2000 oleh rakyat negeri Kelantan meningkat pada kadar menggalakkan iaitu 12 peratus. Ini merupakan satu pencapaian yang baik kerana pertumbuhan pelabu-ran peringkat kebangsaan ialah 8.8 peratus sahaja.

Pencapaian ini juga telah meletakkan negeri Kelantan sebagai negeri kedua mencatat pertumbuhan tertinggi selepas Sabah. Sehubungan itu Kelantan dipilih untuk dijadikan lokasi pertama MSAM di luar Kuala Lumpur.

UM Bagaimana pula dengan sasaran pengun-jung kali ini adakah PNB yakin dapat menarik lebih ramai pengunjung?

Hamad Melihat kepada sambutan MSAM yang per-tama di Kuala Lumpur tahun lalu yang berjaya mencatat lebih 60 000 pengunjung dan 236 000 pengunjung di Ekspo PNB 2000 di Jengka Pahang kami menyasarkan pengunjung MSAM kali ini boleh mencecah angka 200 000.

Sasaran ini berdasarkan kepada aktiviti-aktiviti yang diadakan bukan sahaja tertumpu kepada pameran dan jualan serta penerangan malah acara-acara sampingan seperti permainan gasing dikir barat dan sebagainya untuk menarik penyertaan ramai. Selain itu pelbagai aktiviti menarik turut diadakan di dalam dewan pameran oleh syarikat-syarikat pelaburan di gerai-gerai mereka. Pengunjung boleh menyertai aktiviti yang diadakan secara interaktif malahan terdapat satu sudut dikenali sebagai 'Discovery Center' yang memaparkan kecanggih-an teknologi yang digunakan oleh syarikat-syarikat pelaburan PNB.

Tetapi tumpuan utama MSAM ialah pendidikan kerana objektifnya ialah memberikan peluang kepada orang ramai memahami konsep pelaburan secara lebih terperinci tetapi melalui pendekatan yang menarik.

UM Dalam keghairahan PNB mengalu-alukan kedatangan pengunjung ke MSAM 2001 ini bolehkah Datuk sebutkan secara ringkas objektif penganjuran MSAM?

Hamad Objektif utama penganjuran MSAM ini ialah mendidik orang ramai mengenai konsep pelaburan itu sendiri. Ini penting dalam usaha untuk meningkatkan

minat orang ramai terhadap pelaburan itu khususnya saham amanah

Selain itu ia juga bertujuan mempopularkan konsep pelaburan asas iaitu hubungan risiko dan pulangan Masyarakat harus memahami konsep ini dengan lebih jelas bagi membantu mereka merancang pelaburan dengan lebih baik

Jika kita lihat senario masa kini masih wujud sebilangan kecil masyarakat mengharapkan pulangan lumayan dalam jangka masa singkat Mereka tidak menyedari bahawa pelaburan yang menawarkan pulangan lumayan dalam jangka masa singkat bermakna turut menawarkan dedaahan risiko yang sangat tinggi Ini bermakna kita mungkin boleh untung dua tiga kali ganda daripada modal pelaburan atau kehilangan modal pelaburan tersebut sama sekali Akibat kurang kefahaman tentang risiko pelaburan ini maka fenomena skim cepat kaya begitu mudah berlaku di kalangan masyarakat kita Jadi melalui penganjuran MSAM ini diharapkan mampu mendidik pelabur ke arah konsep sebenar pelaburan dalam saham amanah

Selain itu pelabur mampu memahami bahawa pada masa yang sama diharapkan kita berusaha untuk menjadikan industri saham amanah di negara ini sebagai penyumbang lebih besar kepada pembangunan negara sehubungan itu sokongan dan penyertaan orang ramai perlu ditingkatkan

Usaha menganjurkan MSAM ini juga adalah untuk mendedahkan kepada masyarakat tentang senario industri saham amanah di peringkat antarabangsa Di negara maju industri saham amanah menyumbang sekitar 20 sehingga 50 peratus kepada nilai permodalan pasaran saham berbeza dengan Malaysia yang masih sekitar 8 hingga 10 peratus Justeru itu masih banyak ruang kepada industri saham amanah negara untuk berkembang

PNB bersyukur atas sokongan orang ramai kepadanya selama lebih 20 tahun Pendekatan yang digunakan oleh negara melalui saham amanah untuk pengstrukturannya masyarakat adalah satu idea yang unik dan terbukti berkesan dalam membantu meningkatkan penglibatan bumiputera dalam sektor korporat negara Kini agak menarik apabila sebuah negara yang telah matang dalam sistem pasaran sahamnya iaitu Hong Kong kini mengambil pendekatan yang serupa dengan kita tetapi untuk menstruktur semula pasaran sahamnya yang terjejas akibat krisis ekonomi 1997 Antara pendekatan yang diambil ialah mengehadkan pemilikan saham dengan mengenakan had maksimum pelaburan untuk setiap individu Cara ini adalah yang terbaik dalam memastikan semua orang diberi peluang menyertai pembangunan ekonomi secara kolektif

Selain itu melalui MSAM masyarakat di harapkan menyedari bahawa walaupun dengan hanya pelaburan RM1 RM10 mereka dapat memberikan sumbangan yang benar benar bererti kepada pertumbuhan ekonomi negara Ini dapat dilihat melalui pengemblengan saham saham amanah PNB sendiri Buktiannya melalui pelaburan yang bermula serendah RM1 daripada para pelaburnya PNB dapat mengumpulkan lebih RM34 bilion untuk memiliki kepentingan di lebih kurang 300 syarikat yang disenarai dan tidak disenaraikan Ini termasuk syarikat gergasi korporat tempatan seperti Maybank Sime Darby Guthrie MNI Golden Hope UMW Northport dan banyak lagi

UM Apa pula harapan PNB terhadap masyarakat pelabur di negara ini?

Hamad Kami di PNB sentiasa berharap agar masyarakat dapat menghargai pilihan pelaburan yang ditawarkan kini Tetapi sebelum itu mereka perlu faham mengenai industri saham amanah itu sendiri sebelum benar benar menghargai peluang pelaburan yang mereka peroleh

Bak kata pepatah tak kenal maka tak cinta Begitu juga dengan saham amanah sebelum kita membuat perbandingan pulangan yang diberikan olehnya kita juga harus faham bagaimana saham amanah itu berfungsi Tentu menarik jika dibuat perbandingan kerana seperti PNB, melalui MSAM ini diharapkan mampu mendidik pelabur ke arah konsep sebenar pelaburan dalam saham amanah

beza dengan institusi perbankan

Pertamanya unit saham amanah PNB ada yang berharga tetap seperti ASB ASW 2020 dan ASM Keduanya pula urusan niaga saham amanah tiada cooling off period Aspek seterusnya terdapat rangkaian ejen yang meluas dengan lebih 1300 ejen di seluruh negara termasuk kawasan luar bandar

UM Menyentuh bidang pendidikan pelaburan apakah harapan PNB dalam usaha mendidik masyarakat melalui MSAM?

Hamad Kita sedar bahawa pelaburan PNB dalam usaha mendidik masyarakat melalui MSAM ini adalah satu usaha berterusan Mungkin tidak banyak yang dapat kita ubah apatah lagi ini baru tahun kedua kita mengadakan MSAM Bagaimanapun pada saya walaupun sepecah ayat dibaca oleh mereka yang hadir ia sudah begitu besar artinya

Sebagaimana yang kita tahu proses pendidikan berterusan ini memakan masa dan ia bukannya untuk tempoh jangka pendek tetapi ia adalah perancangan jangka panjang Tidak banyak bezanya dengan pelaburan saham amanah yang berteraskan jangka panjang PNB percaya proses pendidikan juga mengambil masa yang lama untuk ia benar benar memberi kesan

Apa pun harapan kita tidak besar cuma kita mahu orang ramai mengambil peluang menyertai MSAM ini kerana ia diadakan untuk faedah mereka bukan untuk PNB atau badan badan yang terbabit MSAM merupakan aktiviti yang tidak merugikan pengunjung dan peserta kerana selain hadiah atau cenderamata yang diperoleh yang paling penting ialah pengetahuan yang diperoleh

UM Apakah aktiviti yang akan dianjurkan sepanjang minggu tersebut?

Hamad Sebagaimana yang saya sebutkan tadi pelbagai aktiviti menarik akan diadakan untuk disertai oleh pengunjung Antaranya Pertandingan Menulis Esei Peringkat Kebangsaan dan Kuiz Pelaburan Peringkat Kebangsaan yang dilancarkan pada 2 Mac lalu oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi Selain itu kita akan mengadakan Program Kenali PNB pada 25 Mac ini yang akan dilancarkan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang

Bagi menarik lagi penyertaan orang ramai PNB dan syarikat syarikat pelaburannya turut menaja Program TV Game Show Bijak Langkah Bijak Labur yang akan disiarkan pada awal April menawarkan hadiah hadiah menarik seperti wang tunai kereta mewah dan lot banglo yang bernilai hampir RM1 juta

Acara yang akan berlangsung pada 20 sehingga 24 April pula ialah pameran dan jualan oleh Syarikat Pelaburan PNB di Padang Perdana Majlis Perbandaran Kota Bharu Kelantan Kita juga akan mengadakan Pertandingan Mewarna bersama ALONG untuk kanak kanak Pertandingan Debat Antara Universiti Peringkat Kebangsaan Terdapat juga Permainan Pelaburan untuk sekolah menengah IPT dan pengurus dana

PNB tidak melupakan golongan istimewa dengan mengadakan program PNB Endah Program Khas untuk kanak kanak istimewa dan anak anak yatim pada 23 April 2001 Kita juga mengadakan Forum Pelaburan pada 22 April 2001

Terdapat juga satu aktiviti di Kuala Lumpur iaitu Seminar Antarabangsa dan Pelancaran Buku mengenai saham amanah

Saya berharap melalui aktiviti aktiviti yang diadakan ini ia dapat memberikan manfaat kepada semua orang khususnya kepada para pengunjung yang menghadiri acara acara yang diadakan sepanjang MSAM berlangsung

Ini sebenarnya satu penghargaan oleh PNB kepada masyarakat yang selama ini setia dan memberikan sokongan kepada PNB dalam setiap aktiviti yang dilakukan

Di sini juga saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang memberikan sokongan dalam apa juga bentuk bagi memastikannya kejayaan MSAM kali ini Saya juga berharap